



Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil.58
Bil.15

26hb Julai 2005

TAMBAHAN No. 2
ENAKMEN

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 11 April 2005 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 19 Julai 2005, disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactment, passed by the State Legislative Assembly Perak Darul Ridzuan on the 11 April 2005 and assented by His Royal Highness the Sultan of Perak on the 19 July 2005 is published for general information:

Enakmen Bil.	Nama	Muka
2.	Enakmen Perladangan Unggas 2005 Poultry Farming Enactment 2005	43 69

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK
Enakmen 2

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS 2005

SUSUNAN SEKSYEN

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II
PENTADBIRAN**

3. Pelantikan pegawai diberi kuasa
4. Pegawai diberi kuasa boleh memohon bantuan awam

**BAHAGIAN III
PELESENAN**

5. Keperluan untuk lesen
6. Permohonan untuk lesen
7. Kelulusan atau penolakan lesen
8. Perladangan unggas tanpa lesen ialah suatu kesalahan
9. Kesahan lesen
10. Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat lesen
11. Mempamerkan dan mengemukakan lesen
12. Penggantungan atau pembatalan lesen
13. Membaharui lesen
14. Lesen tidak boleh dipindahmilikkan, diserahkan, dsb.

**BAHAGIAN IV
KESALAHAN-KESALAHAN**

15. Kesalahan melepaskan sisa unggas atau kumbahan sisa unggas ke dalam sungai, anak sungai, dll.
16. Kesalahan melepaskan atau mengeluarkan bau busuk atau tidak enak atau debu dari ladang
17. Kesalahan membenarkan pemberian lalat, serangga atau makhluk perosak
18. Kesalahan menggunakan ubat dilarang atau menyalahgunakan ubat
19. Pengakuan dan maklumat palsu
20. Halangan menyalahi undang-undang ialah suatu kesalahan

**BAHAGIAN V
PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN**

21. Pegawai pelesen, dll. Boleh memasuki ladang unggas dan menjalankan siasatan
22. Kuasa penyiasatan
23. Sanksi untuk mendakwa
24. Hal perkara kesalahan boleh disita dan dirampas

**BAHAGIAN VI
PELBAGAI**

25. Mahkamah boleh memerintahkan pelucutahan
26. Penalti bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya
27. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
28. Ladang unggas yang dikecualikan
29. Pengarah boleh mengkompaun kesalahan
30. Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain
31. Perlindungan pegawai awam dan Pihak Berkuasa Negeri
32. Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan
33. *Mens rea* tidak dikehendaki bagi kesalahan
34. Penyerahan notis, perintah, dokumen, dll.
35. Peruntukan peralihan

BETA PERKENANKAN,

SULTAN AZLAN SHAH,
Sultan Perak
2005

Suatu Enakmen untuk melesenkan ladang unggas dan untuk mengawal dan mengawal selia perladangan unggas dan aktiviti yang berkaitan dengan unggas di Negeri Perak Darul Ridzuan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

DIPERBUAT oleh Kuasa Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

- | | |
|--|--|
| 1. (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Perladangan Uggas 2005. | Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa |
| (2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam <i>Warta</i> . | |
| 2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain- | Tafsiran |
- “aktiviti yang berkaitan dengan unggas” ertinya pemprosesan unggas dan sisa unggas dan aktiviti berkaitan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;
- “ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan;
- “fi yang ditetapkan: ertinya fi yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan;
- “karkas unggas” ertinya bangkai, atau sebahagian daripada bangkai, mana-mana unggas yang mati disembelih atau dengan cara lain;
- “kumbahan sisa unggas” ertinya apa-apa kumbahan yang keluar dari ladang unggas;
- “ladang unggas” ertinya mana-mana tempat di mana perladangan unggas dijalankan dan termasuk mana-mana tempat untuk menyimpan unggas;
- “lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini;
- “loji” ertinya mana-mana tempat di mana pemprosesan unggas dijalankan;
- “memproses unggas” termasuk-
- (a) menyembelih, membuang bulu, membuang tulang atau membuang isi perut unggas;
 - (b) memotong unggas yang telah disembelih kepada bahagian-bahagian; dan
 - (c) melakukan apa-apa perbuatan ke arah menyediakan unggas untuk pengilangan dan mengeluarkan produk sampingan daging unggas, untuk dijual;
- “Negeri” ertinya Negeri Perak Darul Ridzuan;
- “ofal” termasuk usus, perut, jantung, hati, paru-paru, limpa, ginjal, hempedal, darah atau mana-mana bahagian dalaman yang lain unggas;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah di bawah subseksyen 3(1);

“pegawai pelesen” ertinya mana-mana pegawai diberi kuasa yang ditentukan oleh Pengarah di bawah subseksyen 3(3) dan termasuk Pengarah;

“Pelan susun atur” berhubung dengan sesuatu ladang unggas, ertinya pelan susun atur yang dikemukakan kepada pegawai pelesen berserta dengan suatu permohonan untuk mendapatkan lesen;

“pembiakan” termasuk-

- (a) penyimpanan unggas pembiak;
- (b) penternakan unggas pembiak;
- (c) pengeluaran telur tetasan; dan
- (d) pengeluaran anak unggas umur sehari;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya suatu lesen telah dikeluarkan dan termasuk mana-mana orang yang menjaga, atau menjalankan kawalan terhadap, sesuatu ladang unggas atau aktiviti yang berkaitan dengan unggas;

“Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perak Darul Ridzuan;

“peraturan-peraturan” ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 32;

“perladangan unggas” termasuk melakukan mana-mana satu atau lebih aktiviti yang berikut:

- (a) menternak unggas pedaging;
- (b) menternak unggas penelur;
- (c) menternak unggas pembiak;
- (d) mengendalikan tempat penetasan; dan
- (e) menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan unggas;

“produk sampingan daging unggas” termasuk nuget, bebola daging dan produk seumpama yang lain tetapi tidak termasuk ofal dan sisa unggas;

“rumah kediaman” ertinya suatu kelompok rumah tidak kurang daripada lima rumah yang berpenghuni, tidak termasuk rumah yang terdapat di ladang unggas;

“sisa unggas” termasuk-

- (a) tinja, ekskreta dan bulu;
- (b) sisa makanan, kulit telur dan telur tembelang;
- (c) habuk papan, reja papan dan bahan serap lain yang digunakan sebagai alas di atas lantai bangsal unggas; dan
- (d) bahagian unggas yang lazimnya tidak dimakan oleh manusia;

“tempat penetasan” ertinya mana-mana premis yang digunakan bagi pengeraman dan penetasan telur-telur bernes bagi menghasilkan anak unggas berumur sehari;

“ubat” ertinya apa-apa bahan atau campuran yang digunakan secara dalaman atau luaran bagi maksud rawatan, profilaktik atau penggalak pertumbuhan atau bagi maksud mengubahsuaikan fungsi fisiologi atau tingkah laku unggas;

"unggas" termasuk ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara, puyuh, merpati, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka atau generasi dan mana-mana burung lain yang ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"unggas pembiak" ertiinya mana-mana unggas jantan atau betina daripada berbagai umur dan generasi yang digunakan untuk mengeluarkan telur bernas dan anak unggas umur sehari.

BAHAGIAN II PENTADBIRAN

- | | |
|--|---|
| <p>3. (1) Bagi maksud Enakmen ini, Pengarah boleh melantik secara bertulis mana-mana pegawai awam sebagai seorang pegawai diberi kuasa.</p> <p>(2) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah menunjukkan, apabila diminta, kuasa bertulis yang dikeluarkan kepadanya oleh Pengarah.</p> <p>(3) Bagi maksud Enakmen ini, Pengarah boleh menentukan secara bertulis seseorang pegawai diberi kuasa sebagai pegawai pelesen.</p> | Pelantikan pegawai diberi kuasa |
| <p>4. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, selepas memperkenalkan dirinya dengan munasabah, meminta bantuan daripada mana-mana orang awam dalam menjalankan fungsinya di bawah Enakmen ini.</p> <p>(2) Mana-mana orang yang enggan memberikan bantuan apabila diminta untuk berbuat demikian oleh seorang pegawai diberi kuasa melakukan kesalahan.</p> | Pegawai diberi kuasa boleh memohon bantuan awam |

BAHAGIAN III PELESENAN

- | | |
|---|------------------------|
| <p>5. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiada seorang pun boleh mengusahakan atau menjalankan perladangan unggas melainkan jika suatu lesen di bawah Enakmen ini telah dikeluarkan kepadanya.</p> <p>(2) Walau apa jua pun yang berlawanan dalam Enakmen ini, setiap ladang unggas hendaklah mempunyai lesen yang berasingan.</p> <p>(3) Subseksyen (1) hendaklah terpakai hanya bagi perladangan unggas dengan kapasiti ladang yang ditetapkan.</p> | Keperluan untuk lesen |
| <p>6. (1) Permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat kepada pegawai pelesen dalam borang yang ditetapkan.</p> <p>(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dikemukakan berserta dengan-</p> <p style="margin-left: 20px;">(a) suatu pelan susun atur dan lokasi ladang unggas yang hendak dilesenkan yang menunjukkan-</p> <ul style="list-style-type: none">(i) sempadan ladang dan sempadan tanah di mana ladang itu akan didirikan;(ii) dimensi dan rekabentuk bangunan ladang dan struktur ladang itu; dan(iii) lokasi tempat yang menunjukkan jarak mengikut garisan lurus mana-mana rumah kediaman, sekolah, klinik, atau tempat ibadat, yang sedia ada semasa permohonan dibuat, yang berada dalam lingkungan dua ratus meter minimum dari mana-mana bangunan atau struktur yang akan digunakan bagi penternakan unggas di ladang unggas yang dicadangkan itu; | Permohonan untuk lesen |

	<ul style="list-style-type: none"> (b) suatu salinan yang diperakui sah hakmilik tanah di mana ladang unggas itu didirikan atau akan didirikan; (c) jika tanah itu tidak dippunyai oleh pemohon, suatu persetujuan bertulis daripada tuan punya berdaftar tanah; and (d) suatu salinan diperakui sah pendafftaran perniagaan atau perakuan pemerbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan. 	
(3)	Subperenggan (2)(a)(iii) tidak terpakai bagi loji pemprosesan unggas atau loji menyembelih.	
(4)	Bagi maksud subperenggan (2)(a)(iii), "rumah kediaman" tidak termasuk mana-mana rumah setinggan, rumah pekerja atau mana-mana premis lain yang akan dibina atau diadakan di dalam ladang unggas itu sebagai tempat tinggal pekerja.	
(5)	Fi yang ditetapkan hendaklah dibayar apabila permohonan untuk lesen diluluskan oleh pegawai pelesen atau oleh Pihak Berkuasa Negeri atas rayuan.	
7. (1)	Pegawai pelesen boleh mengeluarkan lesen atas syarat-syarat yang difikirkannya patut bagi maksud Enakmen ini atau boleh enggan untuk mengeluarkan lesen.	Kelulusan atau penolakan lesen
(2)	Pegawai pelesen boleh enggan untuk mengeluarkan lesen jika dia berpuas hati- <ul style="list-style-type: none"> (a) bahawa ladang unggas itu- <ul style="list-style-type: none"> (i) mungkin mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam; (ii) mungkin memudaratakan harta awam; atau (iii) mungkin mencemarkan alam sekitar, di kawasan di mana ladang itu dicadangkan didirikan; atau (b) bahawa permohonan itu tidak mematuhi seksyen 6. 	
(3)	Keputusan pegawai pelesen untuk tidak mengeluarkan lesen boleh dirayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.	
(4)	Rayuan di bawah subseksyen (3) hendaklah dibuat melalui Pengarah dalam tempoh tiga puluh hari dari pemberitahuan keputusan itu dan Pengarah hendaklah mengemukakan rayuan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan segera.	
(5)	Jika Pihak Berkuasa Negeri membenarkan rayuan itu, pegawai pelesen hendaklah, apabila dibayar fi yang ditetapkan, mengeluarkan lesen kepada pemohon- <ul style="list-style-type: none"> (a) mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri, jika ada; atau (b) jika Pihak Berkuasa Negeri tidak mengenakan apa-apa syarat, dengan apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh pegawai pelesen bagi maksud Enakmen ini. 	
8.	Mana-mana orang yang mengusahakan atau menjalankan perladangan unggas tanpa suatu lesen yang sah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit tetapi tidak kurang daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.	Perladangan unggas tanpa lesen ialah suatu kesalahan
9. (1)	Lesen, jika tidak dibatalkan terlebih awal, adalah sah untuk tempoh maksimum dua belas bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan melainkan jika dinyatakan selainnya dalam lesen itu.	Kesahan lesen

	(2) Lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan.	
10.(1)	Seseorang pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen itu sepanjang tempoh lesen itu berkuat kuasa.	Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat lesen
(2)	Seseorang pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat lesen melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya; dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda lima ratus ringgit setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.	
11.(1)	Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen yang sah di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam ladang unggas yang berhubungan dengannya lesen itu dikeluarkan.	Mempamerkan dan mengemukakan lesen
(2)	Seseorang pemegang lesen hendaklah mengemukakan, apabila diminta oleh Pengarah, pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa, lesen yang sah yang dikeluarkan kepadanya untuk pemeriksaan.	
(3)	Mana-mana orang yang, tanpa sebab yang munasabah, tidak mempamerkan atau mengemukakan lesen yang sah sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.	
12.(1)	Pengarah boleh menggantung sesuatu lesen jika dia berpuas hati dan mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk sampingan daging unggas daripada sesuatu ladang unggas boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam.	Penggantungan atau pembatalan lesen
(2)	Jika lesen sesuatu ladang unggas telah digantung di bawah subseksyen (1), Pengarah boleh mengeluarkan perintah-	
	(a) melarang mana-mana unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk sampingan daging unggas daripada dibawa keluar dari ladang itu dan perintah itu boleh berkuat kuasa sehingga pemeriksaan atau keputusan dibuat; atau	
	(b) melupuskan unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk sampingan daging unggas mengikut cara yang Pengarah berpuas hati tidak akan menimbulkan apa-apa bahaya kepada kesihatan awam.	
(3)	Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.	
(4)	Pengarah boleh membatalkan sesuatu lesen-	
	(a) jika dia mendapati bahawa, selepas pemberian lesen itu, pemegang lesen telah memberikan maklumat palsu atau membuat pengakuan palsu pada masa permohonan dibuat di bawah seksyen 6 atau seksyen 35;	
	(b) jika dia berpuas hati bahawa pemegang lesen telah secara berulang kali atau berterusan melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah peraturan-peraturan atau melanggar syarat-syarat lesen; atau	
	(c) jika pemegang lesen didapati bersalah dan disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah peraturan-peraturan.	

- 13.(1) Permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dikemukakan kepada pegawai pelesen dalam tempoh tidak kurang daripada tiga bulan sebelum tarikh tamat lesen semasa dan seksyen 6 hendaklah terpakai bagi permohonan untuk pembaharuan lesen seolah-olah permohonan itu ialah permohonan untuk lesen baru di bawah Enakmen ini.
- (2) Mana-mana permohonan untuk membaharui lesen yang dikemukakan dalam tempoh kurang daripada tiga bulan dari tetapi sebelum tarikh tamat lesen semasa hanya akan dilayan oleh pegawai pelesen selepas suatu penalti, yang tidak melebihi satu ratus ringgit sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai pelesen, telah dibayar.
- (3) Pegawai pelesen tidak boleh membaharui lesen di bawah Enakmen ini dalam hal keadaan yang berikut:
- (a) jika hal keadaan dalam seksyen 7 terpakai;
 - (b) jika pemegang lesen telah secara berulang kali atau berterusan melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah peraturan-peraturan atau melanggar syarat-syarat lesen; atau
 - (c) jika pemegang lesen didapati bersalah dan disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah peraturan-peraturan.
- (4) Jika permohonan untuk membaharui lesen dibuat selepas tarikh tamat lesen semasa, pegawai pelesen boleh menimbangkan permohonan itu tertakluk kepada pemohon membayar penalti satu ribu ringgit bagi permohonan lewat.
- (5) Keputusan pegawai pelesen untuk tidak membaharui lesen boleh dirayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.
- (6) Rayuan di bawah subsekyen (5) hendaklah dibuat melalui Pengarah dalam tempoh tiga puluh hari dari pemberitahuan keputusan itu dan Pengarah hendaklah mengemukakan rayuan itu kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan segera.
- (7) Subseksyen 7(5) hendaklah terpakai jika Pihak Berkuasa Negeri membenarkan rayuan itu.
14. Sesuatu lesen tidak boleh dipindahmiliki, diserahkan atau diuruskan selainnya melainkan jika kebenaran bertulis Pengarah diperoleh terlebih dahulu dan penerima pindah milik atau penerima serah hak atau mana-mana orang lain yang mengambil alih lesen itu adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang sama mengenai lesen itu dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini seolah-olah dia pemegang lesen yang asal.
- Membaharui lesen
- Lesen tidak boleh dipindahmiliki, diserahkan, dsb.

BAHAGIAN IV KESALAHAN-KESALAHAN

- 15.(1) Menjadi suatu kesalahan bagi pemegang lesen, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja-
- (a) membuang mana-mana karkas unggas, ofal atau sisa unggas;
 - (b) melepaskan kumbahan sisa unggas yang tidak dirawat; atau
 - (c) melepaskan kumbahan sisa unggas yang dirawat tetapi tidak mematuhi standard yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan, ke dalam mana-mana sungai, anak sungai, parit, air darat, saluran pengairan atau mana-mana tempat yang tidak diwartakan sebagai kawasan pembuangan sisa.
- (2) Seseorang pemegang lesen disifatkan telah membuang karkas unggas,
- Kesalahan melepaskan sisa unggas atau kumbahan sisa unggas ke dalam sungai, anak sungai, dll.

ofal, sisa unggas atau melepaskan kumbahan sisa unggas ke dalam sungai, parit, air darat, saluran pengairan atau mana-mana tempat yang tidak diwartakan sebagai kawasan pembuangan sisa jika dia tidak mengambil apa-apa langkah pencegahan untuk mencegah pembuangan atau pelepasan itu.

- (3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.
- 16.(1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil apa-apa langkah untuk mencegah-
- (a) pelepasan atau pengeluaran bau atau wasap yang tidak enak atau busuk dari ladang unggasnya; atau
 - (b) pelepasan atau pengeluaran debu dari ladang unggasnya, yang mungkin menyebabkan kacau ganggu atau bahaya kepada kesihatan awam atau kemudaratan kepada harta awam.
- (2) Jika Pengarah menerima apa-apa aduan daripada mana-mana orang bahawa sesuatu ladang unggas melepaskan atau mengeluarkan bau, wasap atau debu yang tidak enak, busuk atau mungkin menyebabkan kacau ganggu atau bahaya kepada kesihatan awam atau kemudaratan kepada harta awam, Pengarah hendaklah menyebabkan suatu siasatan dibuat mengenai aduan itu.
- (3) Jika, selepas selesai penyiasatan itu, Pengarah berpuas hati bahawa aduan itu munasabah, Pengarah hendaklah menyebabkan suatu notis tunjuk sebab dihantar kepada pemegang lesen bagi ladang unggas yang berkenaan untuk menunjukkan sebab tentang kenapa lesenya tidak patut dibatalkan dan ladang unggasnya tidak patut ditutup.
- (4) Jika pemegang lesen tidak menjawab notis tunjuk sebab itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu, Pengarah boleh membatalkan lesen itu.
- (5) Walau bagaimanapun, jika pemegang lesen menjawab notis tunjuk sebab itu dalam tempoh tiga puluh hari yang dikehendaki di bawah subseksyen (4), Pengarah hendaklah menimbangkan jawapan itu dan boleh mengambil tindakan yang berikut:
- (a) jika Pengarah berpuas hati bahawa keadaan itu boleh diperbaiki, dia hendaklah menghantar notis kepada pemegang lesen memintanya mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan dalam tempoh yang ditentukan oleh Pengarah dalam notis itu dan Pengarah boleh juga menentukan, jika perlu, langkah-langkah pembaikan yang perlu diambil; atau
 - (b) jika Pengarah berpuas hati bahawa keadaan itu tidak dapat diperbaiki, Pengarah hendaklah mengarahkan pembatalan lesen itu dan penutupan ladang unggas itu.
- (6) Jika Pengarah bertindak di bawah perenggan (5)(a) dan pemegang lesen tidak mengambil langkah-langkah pembaikan sebagaimana yang diarahkan, Pengarah boleh membatalkan lesen itu tanpa apa-apa notis selanjutnya kepada pemegang lesen.
- (7) Jika Pengarah bertindak di bawah perenggan (5)(b), dia hendaklah menyerahkan atau menyebabkan supaya diserahkan arahan pembatalan itu kepada pemegang lesen dan arahan pembatalan itu hendaklah menyatakan tempoh yang dalamnya ladang unggas itu hendaklah ditutup; dengan syarat bahawa tempoh itu tidak kurang daripada enam bulan dari Kesalahan melepaskan atau mengeluarkan bau busuk atau tidak enak atau debu dari ladang

- tarikh penyerahan arahan itu kepada pemegang lesen.
- (8) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana arahan di bawah subseksyen (7) melakukan suatu kesalahan.
- 17.(1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menjaga dan menyelenggara kebersihan am ladang unggasnya pada setiap masa dan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mencehan apa-apa keadaan yang menggalakkan pembiakan lalat, serangga atau makhluk perosak yang boleh menjadi punca kemudaratan kesihatan atau kacau ganggu awam.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang, dengan sengaja atau tidak sengaja, membenarkan atau menyebabkan dibenarkan ladang unggasnya berada dalam keadaan yang melanggar subseksyen (1) tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.
- (3) Jika Pengarah menerima apa-apa aduan daripada mana-mana orang bahawa ladang unggas itu berada dalam keadaan yang menggalakkan pembiakan lalat, serangga atau makhluk perosak yang boleh menjadi punca kemudaratan kesihatan atau kacau ganggu awam, Pengarah boleh menyebabkan suatu siasatan dibuat mengenai aduan itu.
- (4) Peruntukan subseksyen 16(3)-(8) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi seksyen ini.
- 18.(1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengambil apa-apa langkah untuk mencegah ladang unggasnya-
- (a) menggunakan apa-apa ubat yang dilarang oleh pihak berkuasa; atau
 - (b) menggunakan apa-apa ubat dengan cara yang boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan awam, sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366] dan Akta Makanan 1983 [Akta 281] atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang, dengan sengaja atau tidak sengaja, membenarkan atau menyebabkan dibenarkan ladang unggasnya berada dalam keadaan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.
- (3) Pengarah, jika atas pemeriksaan, berpuas hati bahawa pemegang lesen telah melanggar seksyen ini, hendaklah mengambil tindakan di bawah subseksyen 12(1).
19. Mana-mana orang yang-
 - (a) memberikan maklumat-
 - (i) yang palsu; atau
 - (ii) yang dipercayainya adalah palsu atau tidak benar; atau
 - (b) membuat apa-apa pengakuan palsu bagi maksud mana-mana permohonan, atau semasa menjawab apa-apa pertanyaan daripada Pengarah, pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa bagi apa-apa maklumat di bawah Enakmen ini, melakukan suatu kesalahan.
20. Mana-mana orang yang-
 - (a) tanpa alasan yang sah menghalang atau menyekat atau membantu dalam menghalang atau menyekat seseorang pegawai pelesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis dalam penjalanan atau
- Kesalahan
membenarkan
pembiakan lalat,
serangga atau makhluk
perosak
- Kesalahan
menggunakan ubat
dilarang atau
menyalahgunakan ubat
- Pengakuan dan
maklumat palsu
- Halangan menyalahi
undang-undang ialah
suatu kesalahan

- pelaksanaan sah mana-mana kuasa atau tugasnya di bawah Enakmen ini; atau
- (b) menghalang orang lain daripada memberikan bantuan atau kerjasama kepada seseorang pegawai pelesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis dalam perjalanan tugasnya di bawah Enakmen ini,
- melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN V PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN

- | | |
|---|--|
| <p>21.(1) Bagi maksud Enakmen ini, pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa boleh, pada bila-bila masa, memasuki dan melakukan pemeriksaan terhadap mana-mana ladang unggas jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini dan menjalankan perkara-perkara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengambil apa-apa sampel, ubat dan gambar, yang difikirkan perlu; (b) memeriksa mana-mana buku, rekod dan dokumen yang dijumpai di ladang unggas itu atau mana-mana premis yang terdapat di dalamnya dan membuat salinan buku, rekod atau dokumen yang diperiksa; atau (c) merekodkan apa-apa maklumat mengenai mana-mana penyiasatan dan pemeriksaan untuk membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Enakmen ini. <p>(2) Dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa boleh memasuki mana-mana premis yang terdapat di dalam ladang unggas itu, dengan atau tanpa kebenaran tuan punyanya.</p> | <p>Pegawai pelesen, dll.
boleh memasuki
ladang unggas dan
menjalankan siasatan</p> |
| <p>22.(1) Seseorang pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah peraturan-peraturan.</p> <p>(2) Seseorang pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa boleh, berhubung dengan mana-mana penyiasatan berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini atau di bawah peraturan-peraturan, menjalankan kuasa-kuasa khas berhubung dengan penyiasatan polis kecuali bahawa kuasa untuk menangkap tanpa waran yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah bagi kesalahan boleh tangkap tidak boleh dijalankan olehnya.</p> | <p>Kuasa penyiasatan</p> |
| <p>23. Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi apa-apa kesalahan di bawah seksyen 19 dan 20 kecuali dengan terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.</p> | <p>Sanksi untuk
mendakwa</p> |
| <p>24.(1) Pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa boleh memasuki mana-mana ladang unggas jika dia mendapati-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) bahawa ladang unggas itu tidak mempunyai lesen; atau (b) bahawa mana-mana orang, berhubung dengan ladang unggas itu, yang kepadanya telah disampaikan arahan di bawah subseksyen 16(7) atau yang diberi arahan di bawah subseksyen 35(7), telah tidak mematuhi arahan tersebut, <p>dan-</p> <ul style="list-style-type: none"> (A) boleh menyita dan merampas semua unggas, karkas unggas, sisa unggas dan produk sampingan daging unggas; dan (B) boleh merobohkan dan mengalih semua atau sebahagian struktur | <p>Hal perkara kesalahan
boleh disita dan
dirampas</p> |

dan bangunan ladang,

yang didapati di atas ladang itu.

- (2) Semua unggas, karkas unggas, sisa unggas dan produk sampingan daging unggas yang disita menurut subseksyen (1) hendaklah dilupuskan melalui lelongan awam dan cara lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai pelesen atau pegawai diberi kuasa dan hasil daripada jualan itu hendaklah digunakan untuk menanggung segala perbelanjaan yang dilakukan dalam penyitaan dan perobohan dan pengalihan struktur dan mana-mana bangunan di ladang unggas itu dan apa-apa lebihannya hendaklah dikembalikan kepada tuan punya dan jika tuan punya tidak dapat ditentukan hendaklah dirujukkan kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah tentang pelupusan lebihan itu; dan mahkamah boleh, jika berpuas hati bahawa tuan punya itu tidak dapat ditentukan, membuat perintah supaya lebihan itu dikreditkan ke dalam hasil Kerajaan.

BAHAGIAN VI PELBAGAI

- | | | |
|--------|--|---|
| 25. | Mahkamah yang mensabitkan mana-mana orang dengan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan, boleh sebagai tambahan kepada apa-apa perintah yang dibuatnya, memerintahkan supaya dilucutahkan mana-mana unggas, karkas unggas, sisa unggas atau produk sampingan daging unggas yang berkenaan dengannya kesalahan itu dilakukan. | Mahkamah boleh memerintahkan pelucutahan |
| 26. | Mana-mana orang, selain suatu pertubuhan perbadanan, termasuk mana-mana pengarah atau pegawainya, yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini yang mengenainya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan bagi kesalahan kali kedua atau kesalahan seterusnya didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. | Penalti bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya |
| 27.(1) | Jika mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen ini ialah suatu pertubuhan perbadanan, ia boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan bagi kesalahan kali kedua atau kesalahan seterusnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit. | Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan |
| (2) | Jika kesalahan yang dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan dibuktikan telah dilakukan dengan keizinan atau pembiaran atau boleh dikaitkan dengan apa-apa kelalaian atau selainnya pada pihak mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana orang yang berupa bertindak ayas sifat sedemikian, mengikut mana-mana yang berkenaan, pengarah, pengurus, setiausaha, pegawai atau orang itu melakukan suatu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen 26. | |
| (3) | Jika seseorang ejen atau pekhidmat sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan atau melakukan sesuatu atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu (yang jika dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh pertubuhan perbadanan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini), pertubuhan perbadanan itu hendaklah, walau pun ia tidak tahu mengenai kesalahan itu, disifatkan telah melakukan kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan itu melainkan jika ia membuktikan bahawa- | |
| | (a) perbuatan atau peninggalan yang diadukan itu bukan dalam ruang lingkup biasa pekerjaan ejen atau pekhidmat itu; atau | |
| | (b) perbuatan atau peninggalan yang diadukan itu telah dibuat atau | |

	dilakukan tanpa kebenarannya atau pembiarannya dan bahawa ia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan pelakuan atau peninggalan itu sebagaimana yang sepatutnya diambil setelah mengambil kira segala hal keadaan kes itu.	
28.(1)	Tertakluk kepada subseksyen (2), Enakmen ini tidak terpakai bagi mana-mana ladang yang ditentukan oleh Pengarah sebagai suatu ladang unggas yang dikecualikan.	Ladang unggas yang dikecualikan
(2)	Pengarah tidak boleh menentukan mana-mana ladang unggas sebagai dikecualikan di bawah Enakmen ini melainkan jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu perlu untuk melaksanakan apa-apa dasar ekonomi atau sosial kerajaan yang berhubungan dengan usaha untuk mengurangkan atau membasmi kemiskinan di dalam mana-mana bahagian tertentu Negeri.	
(3)	Walau apa pun subseksyen (1), Pengarah boleh, bagi maksud menjamin kesihatan awam, mencegah kemudaratannya harta awam dan pencemaran alam sekitar, mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkannya perlu berhubung dengan pengurusan atau pengendalian ladang unggas yang dikecualikan menurut seksyen ini.	
(4)	Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana arahan Pengarah di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan.	
(5)	Suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pengarah yang memperakuan bahawa sesuatu ladang unggas ialah suatu ladang unggas yang dikecualikan hendaklah menjadi bukti muktamad mengenai hakikat itu.	
29.(1)	Kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 19 dan 20, semua kesalahan lain di bawah Enakmen ini dan peraturan-peraturan boleh dikompaun oleh Pengarah.	Pengarah boleh mengkompaun kesalahan
(2)	Dalam mengkompaun mana-mana kesalahan, Pengarah hendaklah mengarahkan pegawai pelesen untuk membuat tawaran dalam borang yang ditetapkan kepada pesalah untuk mengkompaun kesalahan itu dalam tempoh yang ditentukan oleh Pengarah dalam tawaran itu tertakluk kepada yang berikut:	
(a)	tempoh tawaran tidak melebihi tiga puluh hari dari tarikh tawaran itu dikeluarkan; dan	
(b)	jumlah kompaun yang ditawarkan tidak melebihi dua ribu ringgit tetapi tidak kurang daripada tiga ratus ringgit.	
(3)	Jika pesalah menerima tawaran untuk mengkompaun itu dalam tempoh yang ditentukan, Pengarah hendaklah mengkompaun kesalahan itu dan selepas itu tiada pendakwaan selanjutnya terhadap kesalahan itu boleh dibuat.	
(4)	Dalam mana-mana kes yang lain, Pengarah hendaklah meneruskan pendakwaan terhadap pesalah.	
30.	Pengeluaran mana-mana lesen di bawah Enakmen ini tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang menghendaki permit, kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan pemegang lesen tidak dikecualikan daripada mematuhi kehendak-kehendak undang-undang bertulis yang lain itu berkenaan dengan permit, kebenaran atau kelulusan tertentu itu.	Pematuhan kepada undang-undang bertulis yang lain
31.	Tiada apa-apa liabiliti boleh dikenakan ke atas Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai awam berkenaan dengan apa-apa perbelanjaan, kerosakan atau siasatan yang berbangkit dalam atau daripada penjalanan	Perlindungan pegawai awam dan Pihak Berkuasa Negeri

	sah kuasa yang diberikan atau pelaksanaan sah tugas yang dikenakan di bawah Enakmen ini, dan pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana pegawai itu tidaklah boleh dikenakan apa-apa tindakan, tuntutan atau liabiliti berbangkit dalam atau daripada penjalanan sah kuasa yang diberikan atau pelaksanaan sah tugas yang dikenakan di bawah Enakmen ini.	
32.	Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan khususnya tetapi tanpa menjelaskan keluasan apa-apa yang tersebut dahulu peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi atau berkenaan dengan-	Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan
	(a) pelesenan dan pendaftaran ladang unggas; (b) tatacara, fi, borang dan caj bagi maksud Enakmen ini; (c) standard amalan perlادangan dan pemprosesan; (d) pengkompaunan kesalahan-kesalahan; dan (e) perkara-perkara lain yang disifatkan perlu oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi maksud Enakmen ini, dan boleh mengadakan peruntukan bahawa apa-apa peraturan-peraturan itu ialah suatu kesalahan.	
33.	Dalam mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, tidaklah perlu untuk membuktikan bahawa perbuatan atau peninggalan yang berkenaan disertai dengan niat, pengetahuan atau kelalaian pada pihak pesalah.	<i>Mens rea</i> tidak dikehendaki bagi kesalahan
34.(1)	Tiap-tiap notis, perintah atau dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Enakmen ini atau peraturan-peraturan untuk diserahkan kepada mana-mana orang boleh diserahkan-	Penyerahan notis, perintah, dokumen, dll.
	(a) dengan menyampaikannya kepada orang yang berkenaan atau kepada anggota keluarganya yang dewasa atau pekhidmat keluarganya; (b) dengan meninggalkannya di tempat kediamannya atau tempat perniagaannya yang lazim atau yang terakhir diketahui dalam suatu sampul surat yang dialamatkan kepada orang itu; atau (c) dengan memajukannya dengan cara pos berdaftar dalam sampul surat yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediamannya atau tempat perniagaannya yang lazim atau terakhir diketahui.	
(2)	Jika sesuatu notis, perintah atau dokumen yang dikehendaki atau dibenarkan untuk disampaikan kepada mana-mana orang oleh Enakmen ini atau peraturan-peraturan tidak dapat disampaikan dengan usaha yang munasabah, notis, perintah atau dokumen itu boleh diserahkan kepada orang itu dengan cara menampalkan notis, perintah atau dokumen itu di mana-mana tempat yang mudah dilihat di premis atau alamat yang terakhir diketahui orang itu dan penyerahan itu hendaklah disifatkan sebagai penyerahan yang sempurna bagi maksud Enakmen ini dan peraturan-peraturan.	
35.(1)	Tertakluk kepada subseksyen 5(3), mana-mana orang yang, pada masa permulaan kuat kuasa Enakmen ini, mengusahakan suatu ladang unggas, hendaklah dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Enakmen ini.	Peruntukan peralihan
(2)	Seksyen 6 dan 7 hendaklah terpakai bagi permohonan lesen di bawah seksyen ini.	
(3)	Mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang tidak mengemukakan suatu permohonan untuk mendapatkan lesen dalam tempoh yang dikehendaki melakukan suatu kesalahan.	

- (4) Sebagai tambahan kepada tetapi tanya menjelaskan seksyen 7, pegawai pelesen boleh menolak sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen yang dibuat di bawah seksyen ini jika dia berpuas hati-
- bahawa ladang unggas itu mungkin menyebabkan gangguan melalui pengeluaran bau yang busuk atau debu, pembiakan lalat, serangga atau makhluk perosak, atau apa-apa faktor lain yang mungkin menjelaskan kesihatan awam atau memudaratkan penduduk tempatan atau harta awam dalam lingkungan dua ratus meter minimum garis lurus dari bangunan atau struktur ladang yang digunakan untuk perladangan unggas; atau
 - bahawa kawasan itu telah ditetapkan untuk pembangunan.
- (5) Perenggan (4)(a) tidak terpakai bagi mana-mana loji pemprosesan dan penyembelihan.
- (6) Jika pegawai pelesen enggan meluluskan mana-mana permohonan di bawah seksyen ini, dia hendaklah menghantar suatu notis kepada pemohon, memberitahu pemohon keengganannya itu dan notis itu hendaklah juga mengarahkan supaya pemohon itu menutup ladang unggas itu dan segala aktiviti yang berkaitan dengannya dalam tempoh enam bulan, atau apa-apa tempoh lain yang dinyatakan dalam notis itu, dari tarikh notis itu.
- (7) Seseorang yang kepadanya notis di bawah subseksyen (6) telah dikeluarkan, hendaklah dengan segera memindahkan semua unggas, karkas unggas, sisa unggas dan produk sampingan daging unggas yang terdapat di ladang unggas itu.
